

Pasaran Logam London khianati timah

BH 19 SEP 1986

KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan hari ini mengakui ia telah memasuki Pasaran Logam London (LME) pada tahun 1980 dan 1981 untuk menyclamatkan perdagangan timah setelah berlaku penipuan besar oleh sekumpulan ahli pasaran itu.

Hasil operasi itu, harga timah meningkat ke paras yang tinggi dan memberi keuntungan besar kepada pelombong-pelombong timah tempatan, melindungi pekerjaan di sektor perlombongan dan menghasilkan cukai yang banyak

kepada kerajaan.

Malangnya, ahli-ahli LME yang tersepit kesan tindakan Kerajaan Malaysia itu memaksa LME mengubah syarat-syarat perdagangan timah yang menyebabkan harga logam itu jatuh serta merta.

"Kerana tindak-tanduk LME, kerajaan rugi dalam operasi ini yang diluluskan oleh Kabinet pada tahun 1980," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam pengakuan terbuka mengenai operasi itu ketika merasmikan perhimpunan agung ke-37 Umno di sini hari ini.

Perdana Menteri yang berucap selaku Presiden Umno, berkata sekumpulan ahli LME dengan sengaja menekan harga timah dengan menjual logam itu secara pendahuluan.

Mereka menawarkan harga yang lebih murah untuk jual janji atau *forward contract* itu. Perbuatan mereka menyebabkan dagangan sebenar timah merosot dan harga jatuh.

Bagi mengatasi ancaman kejahatan harga itu kepada ekonomi negara dan bagi melindungi kebajikan berpuh-puluh ribu pekerja lombong, kerajaan memasuki

LME dan membeli timah yang ditawarkan secara pendahuluan itu.

Hasil operasi itu, harga timah dikekalkan pada paras yang memuaskan dan kerajaan memperolehi hasil cukai yang tinggi.

Dalam jangka masa dua tahun operasi itu berjalan — 1980 dan 1981 — cukai eksport timah sahaja berjumlah \$873 juta. Kerajaan juga memungut cukai pendapatan daripada syarikat-syarikat timah yang membuat keuntungan besar ketika itu.

Operasi ini berjalan lancar dan tidak membimbangkan sehinggalah LME, menurut Perdana Menteri, "menipu dengan menukar peraturan jual beli apabila sampai masanya bagi ahli-ahli mereka menunaikan janji."

Kata Datuk Seri Dr Mahathir: "Mereka berkata bahawa janji itu tidak perlu ditunaikan. Dengan itu terselamatlah ahli-ahli mereka dan harga timah turun dengan mendadak."

Perdana Menteri menambah, jika tidak kerana penipuan dan pengkhianatan itu, kerajaan tidak akan mengalami kerugian dan soal pembabitian kerajaan dalam mempertahankan harga timah tidak akan dibangkitkan sama sekali.

Makuwasa

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan bercadang menebus kerugian itu dengan menjual timah dalam simpanannya dan menerusi perniagaan tertentu yang dibuat melalui sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan yang diberi nama Makuwasa Sendirian Berhad.

Beliau menjelaskan, saham-saham yang dipindahkan kepada Makuwasa bukanlah hak milik Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) seperti yang didakwa oleh setengah-setengah pihak, tetapi saham-saham syarikat swasta yang dikhaskan kepada Bumiputera dalam proses penyusunan semula struktur modal mereka.

Apa yang berlaku ialah sebahagian saham itu dipindahkan sementara kepada KSWP yang kemudiannya memindahkannya kepada Makuwasa. Keuntungan daripada urusan itu akan digunakan untuk menampung kerugian operasi timah.

Perdana Menteri hampa kerana ada pihak, terutama Parti Tindakan Demokratik (DAP), cuba memesongkan pandangan umum terhadap usaha kerajaan itu dengan melemparkan tuduhan bahawa orang tertentu dalam kerajaan mendapat keuntungan hasil urusniaga Makuwasa.